

Rakyat dapat diskaun tol 18 peratus

Di semua lebuhraya milik PLUS Malaysia Berhad mulai 2020

KUALA LUMPUR

Rakyat bakal menikmati diskaun tol sebanyak 18 peratus secara purata di semua lebuhraya milik PLUS Malaysia Berhad mulai tahun depan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, diskaun tol itu akan memberikan penjimatan kepada pengguna lebuhraya tersebut sehingga RM1.13 bilion pada 2020 dan RM43 bilion sepanjang baki tempoh konsesi sehingga 2038.

Menurutnya, jemaah menteri juga sedang menimbang semua cadangan termasuk daripada Khazanah Nasional Berhad untuk mengambil alih atau melupuskan semua saham PLUS Malaysia Berhad.

"Cadangan yang diterima hendaklah memberi im-



Pengenalan caj kesesakan pada waktu puncak dan waktu biasa diturunkan sehingga 30 peratus berbanding kadar tol semasa serta percuma semasa waktu bukan puncak.

pak positif fiskal dan tidak meningkatkan beban hutang serta bayaran khidmat hutang kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga telah meluluskan pengambilalihan empat lebuhraya di Lembah Klang iaitu Lebuhraya Shah Alam (Kessas), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Sprint (Sprint) dan Tero-wong Smart (Smart).

"Pengambilalihan lebuhraya itu tidak akan membebankan kerajaan kerana kos pembiayaan, operasi dan penyelenggaraan akan dibiayai sepenuhnya melalui kutipan tol dan caj kesesakan tanpa memerlukan peruntukan daripada kerajaan.

Guan Eng berkata, pengenalan caj kesesakan pada waktu puncak dan waktu biasa diturunkan sehingga 30

peratus berbanding dengan kadar tol semasa serta percuma semasa waktu bukan puncak.

"Ia akan menjimatkan pengguna lebuhraya sehingga RM180 juta setahun atau RM2 bilion sehingga akhir hayat konsesi.

"Konsesi sedia ada tidak akan dilanjutkan dan akan tamat mengikut perjanjian konsesi sedia ada," katanya.